



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA LEMBU UNTUK IBADAH KORBAN NAIK 10 PERATUS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 20	LAIN – LAIN
2.	LEMBU KORBAN MULA NAIK HARGA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 19	
3.	CUACA PANAS, HASIL TELUR ITIK BERKURANG, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga lembu untuk ibadah korban naik 10 peratus

Musim kemarau, kenaikan kos pengangkutan punca permintaan perlahan tahun ini

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Tumpat: Musim kemarau berpanjangan selain kenaikan kos pengangkutan menyebabkan harga lembu korban sem-

pena Aidiladha meningkat 10 peratus.

Penternak lembu dari Khir Bitara Farm, Muhammad Muzakkir Mansor, 41, berkata setakat ini, sebanyak 20 lembu sudah ditempah pembeli untuk ibadah korban.

Katanya, jika sebelum ini harga lembu yang dijual sekitar RM5,000 hingga RM6,000, namun kini meningkat 10 peratus susulan kenaikan kos penternakan.

"Disebabkan itu juga saya melihat permintaan lembu untuk ibadah korban tahun ini agak perlahan berbanding tahun lalu. Mungkin ramal yang mengambill pendekatan berjimat.



Muhammad Muzakkir ketika ditemui di Khir Bitara Farm, Tumpat, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

"Apabila musim kemarau, kita perlu menjaga lembu ini berhati-hati selain perlu dibekalkan vitamin tambahan bagi memastikan lembu ini sihat.

"Ada lembu yang diusahakan penternak lain mati disebabkan musim kemarau, namun di ladang kami setakat ini belum ada yang mati," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Usahakan ladang 14 hektar

Beliau berkata, ladang yang diusahakan sejak 10 tahun lalu

dengan keluasan tanah 14 hektar di Kampung Pulau Raja itu kini mempunyai keseluruhan lebih 500 lembu.

"Semua lembu ini akan dibiarkan di tanah seluas empat hektar, manakala 10 hektar lagi adalah kawasan rumput untuk makanan lembu.

"Kita akan pastikan lembu kami membesar secara tradisional dengan memakan rumput, bukannya makanan tambahan bagi memastikan kualiti daging yang lebih elok," katanya.

Lembu korban mula naik harga

Penternak ramal kenaikan 10 peratus akibat diesel, cuaca kemarau

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

TUMPAT - Harga lembu bagi ibadiah korban di negeri ini dijangka meningkat 10 peratus susulan kenaikan harga diesel selain cuaca kemarau berpanjangan menjejaskan bekalan rumput serta meningkatkan kos makan-an ternakan.

Penternak lembu, Muzakkir Mansor, 41, berkata kenaikan itu berlaku menjelang Aidiladha yang berbaki kira-kira sebulan lagi apabila terpaksa menanggung kos tambahan mengekalkan keadaan haiwan ternakan. Menurutinya, antara faktor utama adalah kekurangan rumput tempatan ekoran kemarau berpanjangan menyebabkan penternak perlu mendapatkan jerami dari Kedah.

"Apabila musim kemarau, rumput semakin berkurangan dan kami terpaksa beli jerami dari luar untuk memastikan lembu kekal sihat serta cukup makan.



Kekurangan rumput tempatan ekoran kemarau berpanjangan menyebabkan penternak terpaksa membeli jerami dari luar Kelantan.



Muzakkir (kiri) bersama rakan kongsi, Che Mohd Faizul memeriksa lembu ternakan bakal dijual sempena Aidiladha.

"Selain itu, kos pengangkutan membeli jerami juga meningkat. Jika dahulu satu trip sekitar RM800 hingga RM900, sekarang mencecah RM1,000," katanya ketika ditemui di ladangnya di Kampung Pulau Raja, Sungai Pinang, Palekbang di sini pada Isnin.

Ujar Muzakkir, harga seekor lembu korban sebelum ini dijual sekitar RM5,200 dijangka meningkat sehingga RM5,500 bergantung kepada saiz dan keadaan lembu. "Walaupun berlaku kenaikan harga,

sambutan tempahan masih diterima tetapi pembeli dilihat lebih berhati-hati berbelanja berikutan keadaan ekonomi semasa.

"Setakat ini kira-kira 20 lembu sudah di-tempah," katanya.

Jelasnya, trend pembelian haiwan korban tahun ini agak perlahan berbanding tahun lalu kemungkinan disebabkan orang ramai masih menilai kemampuan kewangan masing-masing.

"Basanya akan ada pelanggan membuat

tempahan pada saat akhir," katanya.

Muzakkir berkata, ladang miliknya mempunyai hampir 200 lembu untuk bekalan raya.

"Ladang kami mampu menyediakan ratusan lembu sekiranya menerima tempahan awal kerana mempunyai rangkaian bekalan tambahan dari penternak lain.

"Kaedah penternakan menekankan sumbu berorganik dengan haiwan diberi makanan berasaskan rumput tanpa campuran makan-an tambahan berlebihan," jelasnya.

Cuaca panas, hasil telur itik berkurang

KOTA BHARU – Seorang pen-ternak itik telur di Kampung Sering di sini tidak menyangka cuaca panas yang melanda sejak bulan lalu menyebabkan pengeluaran telur haiwan tersebut berkurangan sehingga 40 peratus.

Sebanyak 900 ekor itik jenis Khaki Campbell yang ditenak oleh Mohd. Fakri Mazlan, 43, sebelum ini mampu bertelur sebanyak 450 biji sehari dan kini menurun kepada 250 biji.

Mohd. Fakri berkata, keadaan cuaca yang panas menyebabkan itik ternakannya kurang selera makan sekali gus menjejaskan penghasilan telur.

Menurutnya, ada juga itik peliharaan berusia lebih lima tahun yang tiada selera makan akibat cuaca panas mati kerana kekurangan nutrisi.

“Meskipun bekalan makanan dan air cukup, itik pastinya tak lalu makan semasa cuaca panas sekali gus merencatkan proses haiwan itu untuk berte-

lur.

“Pengeluaran telur berkurangan sehingga 200 biji sehari bermula bulan lalu. Jika cuaca panas berterusan, tidak mustahil telur akan berkurangan dan lebih banyak haiwan akan mati selepas ini,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Sering di sini kelmarin.

Mohd. Fakri memberitahu, dia tidak pernah melepas semua itik peliharaannya di kawasan tali air walaupun cuaca panas kerana bimbang haiwan itu akan terkejut apabila dikurung semula di kawasan berpagar.

Katanya, itik jenis Khaki Campbell sepatutnya tahan lasak dan tidak cerewet dalam aspek penjagaan, namun akan kurang bertelur sekiranya terdedah cuaca panas.

“Bagi menjamin pengeluaran telur yang berkualiti, saya tidak akan lepas itik-itik itu di luar kerana bimbang ia memakan sisa-sisa buangan,” ujarnya.



MOHD. FAKRI memberi makan dedak kepada itik peliharaannya di Kampung Sering, Kota Bharu kelmarin. – ROHANA MOHD. NAWI